



Objektif

Untuk membantu ahli RSPO dan mereka yang terlibat di dalam pertikaian untuk bekerjasama demi mencapai penyelesaian yang saling memuaskan melalui forum yang berkecuali.



Masyarakat Tempatan

DSF bekerja secara langsung dengan komuniti tempatan dan ahli RSPO yang terlibat, sambil melibatkan diri dengan pihak berkepentingan utama yang dianggap sesuai.



Menangani Aduan

Matlamat DSF adalah untuk menangani isu-isu yang dibangkitkan di dalam aduan yang diserahkan kepada RSPO dengan cara yang dapat diterima oleh kesemua pihak.

Kemudahan Penyelesaian Pertikaian (DSF)

Menawarkan peluang kepada pihak yang membantah untuk mengemukakan kebimbangan mereka dengan cara kolektif untuk mencari penyelesaian secara baik melalui Pengantaraan DSF

Tiga tonggak DSF

Penyertaan secara sukarela



Proses DSF memerlukan persetujuan penuh kesemua pihak yang berselisih. Mana-mana pihak boleh menarik balik pada bila-bila masa. Kedua-dua pihak akan menentukan keputusan proses tersebut dan membuat keputusan yang tepat sebelum menandatangani sebarang perjanjian.

Proses adalah sulit



DSF tidak akan mendedahkan maklumat yang dikongsi secara sulit semasa di dalam pengantaraan ataupun di dalam mana-mana forum yang lain, termasuk laporan awam wajib DSF, tanpa persetujuan daripada kesemua pihak.

Bebas dan saksama



DSF tidak mengenakan sebarang penghakiman atau keputusan ke atas mana-mana pihak. Pemutusan bergantung secara mutlak ke atas kesemua pihak. DSF mengambil pendekatan yang saksama untuk kesemua pihak yang terlibat di dalam pengantaraan.

Rangka Kerja DSF di dalam Mekanisme Aduan RSPO

Sistem Pengaduan terdiri daripada tiga bahagian yang khusus namun saling melengkapi

Panel Aduan menyiasat sama ada ahli RSPO telah melanggar Prinsip & Kriteria RSPO atau mana-mana Dokumen Utama RSPO yang lain, dan menentukan sama ada sebarang tindakan diambil untuk membetulkan pelanggaran itu boleh membawa kembali pematuhan untuk **ahli**.

Proses DSF akan memudahkan proses pengantaraan secara kolektif yang mencari penyelesaian jangka panjang dan saling setuju di antara pengadu, ahli RSPO dan mana-mana pihak berkepentingan yang berkenaan yang dikenal pasti oleh kesemua pihak.

Perundingan Bilateral melibatkan pihak-pihak yang bekerja untuk menyelesaikan isu-isu mereka melalui mekanisme keluhan syarikat anggota RSPO tanpa sebarang penglibatan pihak ketiga.

Keputusan yang berjaya akan didokumentasikan di dalam Perjanjian Penyelesaian DSF, atau siri Perjanjian, dan ditandatangani oleh kesemua pihak.





Prinsip-prinsip DSF



Penentuan sendiri oleh setiap pihak

- Tiada penghakiman terhadap mana-mana pihak
- Sebarang penyelesaian ditandatangani dengan kehendak sendiri yang bebas
- Hak untuk maklumat yang jelas
- Perwakilan mesti mempunyai kuasa untuk memutuskan bagi pihak majikan mereka



Hormat untuk hak-hak asasi manusia dan kepelbagaian

- Izin berasaskan Makluman Awal, Bebas dan Telus merupakan keperluan utama P & C RSPO. Kepelembagaan & pemasangan memastikan perwakilan daripada pelbagai sektor di kalangan semua pihak yang terlibat di dalam pengantaraan



- Mendukung perlindungan untuk pihak yang mempunyai risiko membalas dendam. DSF berfungsi dalam usaha untuk meminimumkan keganasan dengan melindungi mereka yang terbabit

- Penilaian risiko dan kemungkinan penamatan pengantaraan adalah sebagai langkah pencegahan yang berpanjangan Prinsip-prinsip Hak-hak Asasi Manusia



- DSF akan melibatkan pihak-pihak dari permulaan pengantaraan untuk menubuhkan tahap kerahsiaan. DSF akan menghormati rahsia selagi kesemua pihak memilih cara tersebut

Ketelusan dan pendedahan



- DSF tidak akan mendedahkan maklumat yang dikongsi oleh satu pihak dengan yang pihak lain tanpa mendapat izin



- Kesemua draf laporan DSF dimaklumkan kepada kesemua pihak untuk pemeriksaan fakta

- DSF tidak akan berkongsi maklumat sulit supaya pihak yang terlibat adalah bebas tanpa menjejaskan kedudukan di dalam sebarang proses lain



- Pengecualian sekiranya DSF menyedari risiko membahayakan kepada mana-mana pihak



- Tiada kenyataan akhbar mengenai aduan yang aktif semasa pengantaraan melainkan dipersetujui oleh kesemua pihak
- Semua pihak termasuk ahli DSF mesti bersetuju dengan tahap kerahsiaan semasa proses pengantaraan



Bebas dan Saksama

- Memastikan penentuan sendiri setiap pihak
- Tidak menghakimi sebarang aduan
- Mematuhi dasar rahsia dengan ketat
- Memastikan kakitangan dan perunding sendiri mengekalkan rahsia melainkan sekiranya dipersetujui oleh pihak lain atau sekiranya maklumat tersebut berada di domain awam
- Mengeluarkan ahli DSF atau kakitangan atau perunding yang mungkin mempunyai konflik kepentingan
- Berkongsi kesemua draf salinan semua laporan awam **sebelum** dikeluarkan dengan semua pihak



DSF

TERMA² r u j u k a n

Visi DSF

Visi DSF yang menyeluruh adalah untuk mendapatkan resolusi pertikaian yang tepat pada masanya dan berkesan sejajar dengan 10 objektif-objektif, kebanyakannya telah diliputi sebelum ini



Mandat DSF

DSF menangani dan menguruskan aduan, membantu menyelesaikan pertikaian, mengadakan mesyuarat bersama, perjanjian dokumen dan mendaftar aduan di laman web awam yang boleh diakses melalui laman web RSPO

pentadbiran



DSF adalah bebas daripada kesemua unit RSPO yang lain. Tetapi Lembaga Gabenor RSPO bertanggungjawab sepenuhnya untuk pengawasan Sekretariat yang mengawasi pentadbiran DSF

DSF disokong oleh sekumpulan penasihat yang mempunyai amalan dan pengalaman di dalam masyarakat tempatan, masyarakat sivil, industri minyak sawit dan penyelesaian pertikaian



penasihat

Struktur DSF

kakitangan



DSF terdiri daripada kakitangan dan perundingnya yang tetap. Perunding-perunding termasuk pengantara DSSF dan pasukan pengantaraan DSF

Dari masa ke semasa, DSF boleh, mengadakan kumpulan tumpuan khusus untuk mempertimbangkan topik-topik yang tertentu. Mereka mungkin merupakan ahli RSPO, pegawai-pegawai atau pihak-pihak luar



Kumpulan
tumpuan

Pembiayaan DSF

RSPO akan menyediakan, dengan usaha yang terbaik, sumber kewangan yang mencukupi untuk menyokong DSF. Sekiranya pengantaraan dijalankan, DSF akan menubuhkan & bersetuju dengan kesemua pihak tentang pembahagian kos.

